



## **KERAJAAN MALAYSIA**

### **PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 5 TAHUN 2008**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

### **PELAKSANAAN MEKANISME PENGGENAPAN DALAM MENANGANI ISU BERKAITAN PENGGUNAAN DUIT SYILING 1 SEN**

#### **TUJUAN**

Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk menerangkan peraturan berkenaan pelaksanaan mekanisme penggenapan jumlah keseluruhan bil yang berakhir dengan 1, 2, 8 dan 9 sen kepada puluh sen terdekat manakala 3, 4, 6, dan 7 sen kepada 5 sen terdekat bagi semua transaksi di bawah Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah menerima saranan daripada pelbagai pihak berhubung dengan mekanisme yang perlu dilaksanakan dalam menangani isu yang berkaitan dengan penggunaan duit syiling 1 sen seperti pembaziran ekonomi. Berdasarkan sokongan dan maklumbalas positif yang diterima dari persatuan peniaga, persatuan pengguna dan orang ramai, Kerajaan telah memutuskan supaya mekanisme penggenapan dilaksanakan sebagai strategi untuk mengurangkan penggunaan duit syiling 1 sen di dalam urusan niaga. Pelaksanaan mekanisme ini akan menangani masalah pembaziran ekonomi kerana ramai pengguna selepas menerima wang baki duit syiling 1 sen tidak menggunakan balik duit syiling 1 sen tersebut atau duit yang diedar tidak dikembalikan semula ke dalam sistem perbankan. Setiap tahun, Kerajaan membelanjakan sekurang-kurangnya RM14 juta untuk mengeluarkan duit syiling 1 sen yang baru.

3. Pelaksanaan mekanisme ini dapat memberikan lebih kemudahan dan faedah kepada semua pihak. Ianya akan membolehkan pembayaran dibuat dengan lebih cepat dan lebih mudah kerana tidak perlu mendapatkan bekalan duit syiling 1 sen di samping dapat menjimatkan masa serta kos pengendalian.

4. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memutuskan supaya mekanisme penggenapan dilaksanakan di semua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan bagi semua urusan penerimaan wang atau pembayaran. Ini termasuklah tuntutan perjalanan kakitangan.

## MEKANISME PENGENAPAN

5. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan mekanisme penggenapan, Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan boleh menggunakan garis panduan di bawah:

- 5.1. Mekanisme Penggenapan ialah mekanisme yang memerlukan **jumlah keseluruhan bil** yang berakhir dengan 1, 2, 8, dan 9 sen digenapkan kepada puluh sen terdekat manakala 3, 4, 6, dan 7 sen digenapkan kepada 5 sen terdekat. Di dalam mekanisme ini, penggenapan hanya dibuat pada jumlah keseluruhan bil atau bil bulanan yang perlu dibayar (*due for payment*) dan bukan bagi setiap item di dalam bil berkenaan. Bagi jumlah bil yang berakhir dengan **1 dan 2 sen diturunkan kepada puluh sen terdekat, bagi 6 dan 7 sen diturunkan kepada 5 sen terdekat, bagi 3 dan 4 sen dinaikkan kepada 5 sen terdekat manakala 8 dan 9 sen dinaikkan kepada puluh sen terdekat**, seperti contoh berikut:

Contoh 1

Penggenapan	Contoh: Jumlah Bil		
	Jumlah bil sebelum digenapkan (RM)	Pelarasan Penggenapan (RM)	Jumlah bil selepas digenapkan (RM)
Ke bawah (puluh sen terdekat)	5.01	-0.01	5.00
	5.02	-0.02	
Ke atas (lima sen terdekat)	5.03	+0.02	5.05
	5.04	+0.01	
Ke bawah (lima sen terdekat)	5.06	-0.01	5.05
	5.07	-0.02	
Ke atas (puluh sen terdekat)	5.08	+0.02	5.10
	5.09	+0.01	

## Contoh 2

Diturunkan		Dinaikkan	
Tanpa Cukai		Dengan Cukai	
Perkhidmatan 1	9.99	Perkhidmatan 1	9.99
Perkhidmatan 2	19.96	Perkhidmatan 2	45.00
Perkhidmatan 3	10.00	Perkhidmatan 3	15.21
Perkhidmatan 4	20.12	Perkhidmatan 4	20.54
Jumlah	60.07	Jumlah Kecil	90.74
Pelarasan		Cukai 5%	4.54
Penggenapan	-0.02	Jumlah	95.28
Penggenapan	60.05	Pelarasan	
		Penggenapan	+0.02
		Penggenapan	95.30

Baris tambahan di dalam bil dan resit untuk menunjukkan Penggenapan

- 5.2. Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dikehendaki **melaksanakan mekanisme penggenapan di peringkat sumber** (*at source*) iaitu semasa cetakan bil bagi semua urusniaga di bawah bidang kuasa masing-masing. Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan perlu mengenalpasti bidang-bidang yang memerlukan pelaksanaan mekanisme penggenapan, mengambil langkah-langkah persediaan pelaksanaan serta mencari jalan terbaik bagi mengatasi masalah berkaitan pelaksanaannya. Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan juga perlu memastikan supaya semua agensi-agensi dibawah seliaan mereka melaksanakan mekanisme tersebut.
- 5.3. Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan perlu mempamerkan jadual mekanisme penggenapan di kaunter pembayaran dan menunjukkan pelarasan penggenapan di dalam bil dan resit bagi memastikan pengguna dimaklumkan cara penggenapan dilakukan;
- 5.4. mekanisme penggenapan juga merangkumi transaksi bukan tunai di kaunter seperti pembayaran menggunakan cek dan kad kredit atau lain-lain kaedah pembayaran elektronik; dan
- 5.5. pelaksanaan mekanisme ini tidak memberi kesan kepada penetapan harga asal barangan/perkhidmatan yang dibekalkan.

6. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna seperti berikut:


- i. Bank Negara Malaysia  
BNM Telelink  
Tel: 1-300-88-5465  
Laman web: [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)
- ii. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna  
Tel: 1800-886-800  
SMS: 32255  
E-mail: [e-aduan.kpdnhep.gov.my](mailto:e-aduan.kpdnhep.gov.my)  
Laman web: [www.kpdnhep.gov.my](http://www.kpdnhep.gov.my)

### **TARIKH KUATKUASA**

7. Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa mulai **1 April 2008**.

### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



(Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

26 Mac 2008

s.k:

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara  
Akauntan Negara Malaysia  
Semua Pegawai Kewangan Negeri